

13/01/2003

MT Umno kaji syor seragam syariah

Rasid Rahaman; Azmi Md Deros

KAMPAR: Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan cadangan pelbagai pihak supaya undang-undang syariah yang berbeza di antara negeri, diseragamkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata, penyeragaman undang-undang itu memang baik, tetapi ada negeri yang mahu ia berbeza antara satu sama lain.

Beliau diminta mengulas desakan agar kerajaan menyeragamkan segera undang-undang syariah berikutan pelbagai kontroversi kebelakangan ini, termasuk isu poligami dan yang terbaru berhubung dilema seorang ibu, Siti

Fauziah Abdul Rahman, 32, mengenai hak penjagaan anaknya.

Siti Fauziah diberikan hak menjaga anak perempuannya oleh mahkamah syariah di Kuala Terengganu, tetapi mahkamah di Alor Star pula memihak kepada bekas suaminya.

Mengenai sekolah agama rakyat (SAR), Dr Mahathir berkata, operasi sekolah itu tidak akan diharamkan, tetapi kerajaan tidak akan memberi lagi

bantuan seperti diputuskan sebelum ini.

"Jika ibu bapa hendak menghantar anak mereka mengikuti pengajian di SAR,

itu terpulang kepada mereka. Kita tidak boleh halang," katanya kepada pemberita selepas upacara peletakan batu asas kampus Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Taman Bandar Baru di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, selepas 6 Februari depan, jika pelajar terbabit

ingin mengikuti pengajian di SAR, mereka boleh berbuat demikian tetapi kerajaan tidak akan membantu sekolah itu.

"SAR bukan menyediakan pendidikan agama kepada pelajar kerana pelajar dididik menjadi anti kerajaan.

"Sepatutnya, mereka tidak boleh jadi begitu tetapi selepas belajar di sekolah itu, mereka terus membenci kerajaan," katanya.

Beliau berkata, SAR adalah institusi mengindoktrinasi fahaman politik

di kalangan pelajar.

"Kerajaan boleh mengizinkan mereka mengajar agama jika mereka mengajar untuk membantu memajukan persaudaraan Islam.

"Tetapi mereka menolaknya dan pelajar diajar supaya tidak bersyukur atau

berterima kasih untuk setiap apa yang mereka terima.

"Ini menyebabkan walaupun kita membantu mereka dengan memberi wang dan sebagainya, mereka tetap membenci kerajaan," katanya.

Beliau berkata, secara praktiknya SAR mengindoktrinasi pelajar dan tidak mempunyai guru yang berkelayakan, selain hanya ingin membuat keuntungan daripada pendidikan.

Ditanya sama ada kerajaan memerlukan peruntukkan untuk membina sekolah agama yang lebih baik, beliau berkata: "Kita sudah mempunyai sekolah, kenapa mereka tidak ke sekolah sedia ada.

"Pendidikan agama memang diajar di sekolah kerajaan yang jelas mempunyai

sukatan pelajaran agama yang sesuai. Ia tidak seperti SAR pada zaman penjajahan British kerana penjajah ketika itu tidak memberi perhatian kepada soal pendidikan agama."

Mengenai tindakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hendak menghantar memorandum kepada sultan supaya campur tangan dalam isu SAR, beliau berkata:

"Kita akan memaklumkan kepada sultan berhubung situasi dan latar belakang SAR. Ia adalah sekolah politik," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini kerajaan sedang memindahkan pelajar SAR ke sekolah kementerian yang menyediakan kemudahan pendidikan termasuk agama yang lebih baik.

"Hakikatnya kini kita sekarang dalam proses memperbaiki sistem itu," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan memberi masyarakat Cina peluang menubuhkan universiti dan membantu perjalanan Utar dengan memperuntukkan geran pelancaran, membuktikan kerajaan prihatin dengan keperluan pendidikan kaum berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berharap masyarakat Cina, khususnya lulusan Utar sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara bagi memastikan hasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 tercapai.

"Saya yakin lulusan Utar akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara ini bukan saja di pihak swasta, tetapi di pihak kerajaan.

"Kita perlu kepada kebolehan mereka, dan mereka saya yakin terdiri daripada patriot yang sayang dan cintakan kepada negara kelahiran mereka... mereka akan berusaha membangunkan negara supaya setanding dengan negara maju menjelang 2020," katanya pada upacara peletakan batu asas kampus Utar yang dihadiri lebih 10,000 penduduk pelbagai kaum.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Dr Mahathir berkata, dengan pemberian geran pelancaran untuk penubuhan Utar, ia dapat membantu meringankan beban kewangan kerana membina sesebuah universiti memerlukan perbelanjaan yang besar.

Beliau juga mengajak masyarakat Cina yang berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan supaya membantu menyumbangkan wang bagi menjayakan pembangunan Utar.

Perdana Menteri menegaskan langkah kerajaan membuka lebih banyak universiti awam dan swasta bertujuan membuka peluang lebih luas kepada ibu

bapa menghantar anak mereka mengikuti pengajian peringkat tinggi.

Beliau berkata, jika sebelum ini kerajaan menghadkan pembinaan universiti hanya tanggungjawab kerajaan, kaedah berkenaan sudah tidak sesuai lagi menyebabkan kerajaan memperkenalkan pula sistem universiti berkembar dengan universiti asing melalui program 3+1.

Bagaimanapun, kata beliau, disebabkan kos menghantar pelajar ke luar negara tinggi, kerajaan memperkenalkan dasar menggalakkan penubuhan lebih

banyak universiti awam dan swasta supaya anak-anak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dengan kos lebih murah.

Hasilnya, kata beliau, negara kini mempunyai 17 universiti awam dan 17 universiti swasta, termasuk Utar.